

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah saman mengikut negeri-negeri yang telah dikeluarkan kepada individu yang merokok di kawasan larangan serta jumlah kutipan denda yang telah diterima.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telahewartakan sebanyak **23 kawasan sebagai kawasan larangan merokok** di bawah Peraturan 11(1) dalam Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004. Bagi tahun 2020, penguatkuasaan larangan merokok memberikan tumpuan kepada Peraturan 11(1)(d) larangan merokok di tempat makan memandangkan tempoh penguatkuasaan pendidikan yang bermula dari tarikh peraturan ini dikuatkuasakan pada Januari 2019 yang telah berakhir pada Disember 2019.

2. Bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 28 Jun 2020 (Minggu Epid 24), sebanyak **122,032** premis tempat makan telah diperiksa. Sejumlah **7,469** notis kesalahan telah dikeluarkan dengan anggaran kompaun bernilai **RM1.76 juta**. Seramai 5,752 orang perokok dewasa telah dikenakan notis kesalahan kerana merokok di kawasan larangan. Notis juga dikeluarkan kepada 526 orang belum dewasa iaitu berumur 18 tahun dan ke bawah kerana kesalahan merokok.

NO.SOALAN : 42

3. Sebanyak 933 notis kesalahan dikeluarkan kepada pemilik premis yang gagal memaparkan tanda larangan merokok manakala 263 lagi dikeluarkan kepada pemilik premis yang gagal memastikan tiada orang yang merokok di premis masing-masing.

4. Lima (5) negeri mencatatkan jumlah notis kesalahan tertinggi bagi semua jenis kesalahan iaitu negeri Pahang sebanyak 1,103 notis, Selangor 783 notis, Negeri Sembilan 772 notis, Johor 768 notis dan Perak 612 notis. Manakala Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan pengeluaran notis terendah iaitu sebanyak 33 notis.

Sekian, terima kasih.